

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 27 Jun 2021 11:10
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Tahniah! UUM Johan Pengucapan Awam Dan Kuiz Tamil Semmozhi Sangamam 2.0 Peringkat Kebangsaan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

27 JUN 2021 / 17 ZULKAEDAH 1442H

=====
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H.Rasidah H.Rodzi
Gambar oleh: UUM SELECT

TAHNIAH! UUM JOHAN PENGUCAPAN AWAM DAN KUIZ TAMIL SEMMOZHI SANGAMAM 2.0 PERINGKAT KEBANGSAAN



UUM ONLINE: Dua orator Bahasa Tamil Universiti Utara Malaysia (UUM) telah dinobatkan sebagai johan Pidato Bahasa Tamil dan Kuiz Tamil dalam Pertandingan Semmozhi Sangamam 2.0 Peringkat Kebangsaan, baru-baru ini.

Yokesswaran a/l Cheladorai, pelajar Sarjana Muda Teknologi Media merupakan johan Pengucapan Awam Tamil, manakala pelajar Sarjana Muda Statistik Industri, Swathi a/p Thamilselvan merangkul gelaran johan bagi Kuiz Tamil. Di samping itu, orator Bahasa Tamil yang merupakan pelajar Sarjana Muda Perbankan, Priyatharisini a/p Balakrishnan berada di tempat ketiga bagi kategori Kuiz Tamil tersebut.

Pertandingan anjuran Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kelantan yang turut disertai universiti awam lain itu mempertandingkan empat kategori iaitu pengucapan awam, kuiz, deklamasi puisi dan ejaan.

Kejayaan yang membanggakan itu bukan sahaja menaikkan nama UUM, malah telah memenuhi strategi UUM Student Excellence and Leadership Centre (UUM SELECT) di bawah Award Recipient Project (A.R.T).

Sementara itu, Yokesswaran dan Swati yang membawa pulang sijil penyertaan dan wang tunai RM200, manakala Priyatharisini turut menerima sijil penyertaan dan wang tunai RM100 melahirkan rasa gembira kerana berjaya memenangi pertandingan tersebut.

Senada itu, Universiti Pengurusan Terkemuka akan terus mara ke hadapan dengan pelbagai pencapaian pelajar sama ada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.